



PANDA FUTSAL
LIGA JUARA JUARA
2026

FAQ

FAQ

Q

Apakah Panda Futsal Liga Juara?

A

Panda Futsal Liga Juara ialah kejohanan futsal kebangsaan yang menghimpunkan rakan penghantar foodpanda dari seluruh Malaysia untuk bersaing merebut gelaran juara.

Q

Siapakah yang layak menyertai?

A

Penyertaan terbuka kepada rakan penghantar foodpanda yang aktif di dalam negeri yang sama dan telah melengkapkan minimum 10 pesanan dalam tempoh 30 hari untuk layak.

Q

Berapa ramai pemain yang boleh didaftarkan?

A

Setiap pasukan boleh mendaftarkan minimum 6 pemain dan maksimum 8 pemain.

Q

Bagaimanakah saya akan menerima maklumat kejohanan?

A

Semua maklumat rasmi termasuk pengesahan penyertaan, jadual perlawanan dan maklumat hari perlawanan akan dikongsikan melalui [Pandariders.my](https://pandariders.my).

Q

Adakah pasukan perlu menyediakan jersi sendiri?

A

Ya. Setiap pasukan perlu menyediakan jersi sendiri yang seragam untuk semua pemain. Walau bagaimanapun, bib perlawanan akan disediakan oleh pihak penganjur sekiranya diperlukan.

PENDAFTARAN

Q
Adakah penyertaan percuma?

A
Ya, tiada yuran penyertaan dikenakan.

Q
Bolehkah saya mendaftar sebagai individu?

A
Pendaftaran adalah secara berpasukan. Jika anda belum mempunyai pasukan, anda boleh menyertai saluran pencarian pasukan yang disediakan.

Q
Bolehkah saya menukar pemain selepas pendaftaran ditutup?

A
Sebarang pertukaran pemain tertakluk kepada kelulusan penganjur dan mesti dibuat sebelum tarikh yang ditetapkan.

Q
Bagaimana jika pasukan saya tidak mempunyai pemain yang mencukupi?

A
Pasukan perlu memenuhi jumlah minimum pemain yang ditetapkan untuk layak bertanding.

Q
Bolehkah seorang pemain didaftarkan dalam lebih daripada satu pasukan?

A
Tidak. Setiap pemain hanya boleh didaftarkan di bawah satu pasukan sahaja.

FORMAT PERLAWANAN

Q
Bagaimanakah format kejohanan ini dijalankan?

A
Kejohanan akan dijalankan mengikut format yang ditetapkan oleh penganjur. Maklumat lanjut akan dikongsikan selepas pendaftaran ditutup.

Q
Adakah pasukan akan bermain mengikut negeri masing-masing?

A
Ya. Pasukan akan ditempatkan mengikut negeri yang ditetapkan oleh penganjur.

Q
Bilakah jadual perlawanan akan diumumkan?

A
Jadual perlawanan akan dikongsikan kepada kapten pasukan selepas proses pengesahan penyertaan selesai

HARI PERLAWANAN

Q

Apa yang perlu saya bawa pada hari perlawanan?

A

Semua pemain perlu membawa pengenalan diri dan/atau bukti status rider aktif [3.1] untuk tujuan pengesahan.

Q

Berapa awal saya perlu hadir sebelum perlawanan?

A

Pasukan disarankan hadir sekurang-kurangnya 30 minit sebelum waktu perlawanan.

Q

Apa yang berlaku jika pasukan saya lewat hadir?

A

Pasukan yang lewat hadir mungkin dikenakan tindakan mengikut peraturan kejohanan termasuk kemenangan percuma kepada pihak lawan.

KOMUNIKASI

Q
Bagaimanakah saya akan menerima maklumat terkini mengenai kejohanan?

A
Semua maklumat rasmi akan dikongsikan melalui pandariders.my.

Q
Siapa yang akan menerima maklumat rasmi daripada penganjur?

A
Kapten pasukan akan menjadi wakil rasmi pasukan dan bertanggungjawab menyampaikan maklumat kepada ahli pasukan.

Q
Siapa yang boleh saya hubungi jika mempunyai pertanyaan?

A
Sila rujuk saluran komunikasi rasmi Panda Futsal Liga Juara atau hubungi pihak penganjur melalui maklumat yang disediakan.

BANTAHAN & PEMBATALAN PENYERTAAN

Q

Bagaimanakah proses bantahan dan pembatalan penyertaan?

A

Sebarang bantahan hanya boleh dikemukakan oleh kapten atau pengurus pasukan kepada pihak penganjur. Semua keputusan penganjur dan Senior Rider untuk setiap negeri adalah muktamad. Sebarang pelanggaran Terma & Syarat kejohanan boleh mengakibatkan pembatalan penyertaan (disqualification).

Q

Bagaimanakah saya boleh membuat bantahan?

A

Sebarang bantahan hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh kapten atau pengurus pasukan kepada pihak penganjur dan hanya boleh dilakukan 1 minggu selepas pendaftaran. Kegagalan mengemukakan bantahan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan bantahan tersebut dianggap tidak sah dan tidak akan dipertimbangkan. Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil semasa perlawanan adalah muktamad selepas wisel penamat dibunyikan. Sebarang rakaman daripada CCTV, kamera DSLR, telefon bimbit atau mana-mana peranti rakaman tidak akan digunakan untuk mengubah keputusan yang telah dibuat oleh pengadil atau pihak penganjur.

Q

Apakah yang boleh menyebabkan sesebuah pasukan dibatalkan penyertaan?

A

Pasukan yang melanggar Terma & Syarat kejohanan atau peraturan yang ditetapkan oleh pihak penganjur boleh dikenakan tindakan pembatalan penyertaan (disqualification).